

Peluru di kepala suami

Harian metro 16/05/2010 M/S 16

Pengerusi Kelab Penyokong Pas Pasir Salak mati ditembak dari jarak dekat di premis cuci kereta

>>Oleh Ravale Savarinathan
am@hmetro.com.my

TELUK INTAN: "Saya baru sampai di tempat cuci kereta bersama suami dan dua anak apabila tiba-tiba dikejutkan bunyi letupan seperti mercun.

"Sebaik menoleh ke arah suami, saya hampir pingsan melihat dia terbujur di atas sofa berlumuran darah dan pada masa sama, saya melihat seorang lelaki berlari keluar sebelum membongceng motosikal rakannya," kata K Kala, 42, isteri kepada P Panthiyan @ Siva, 34.

Panthiyan yang juga Pengerusi Kelab Penyokong Pas Pasir Salak, mati ditembak dari jarak dekat oleh seorang suspek tidak dikenali di dalam premis mencuci kereta milik mangsa di Jalan Chui Chak, Langkap, dekat sini, petang semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 3 petang itu, mangsa

mati serta-merta di tempat kejadian selepas satu daripada dua das tembakan mengenai kepalanya.

Kejadian ngeri itu disaksikan isteri dan dua anaknya yang sebelum itu keluar bersama mangsa ke bandar Teluk Intan kerana mempunyai urusan.

Kala berkata, mereka sekeluarga baru beberapa minit tiba di premis berkenaan sebelum dia terlihat pembongceng motosikal berpakaian gelap dan bertopi keledar penuh berwarna gelap masuk dan meluru ke arah mangsa yang ketika itu berehat di sofa, manakala seorang lagi menunggu di motosikal.

"Pada mulanya saya tak syak apa-apa kerana mendiang sentiasa dikunjungi di premis berkenaan untuk pelbagai urusan termasuk bajikan masyarakat.

"Dalam sekelip mata, saya terdengar bunyi seakan-akan mercun dan sebaik menoleh,



SEDIH...anak lelaki Panthiyan ditenangkan jiran.

saya lihat suami terbujur di atas sofa berlumuran darah," kata Kala sebak.

Kala yang trauma dan terkejut dengan kejadian itu, tidak dapat meneruskan temubual kerana terlalu sedih dan hanya berkata mangsa seorang peramah dan suka

membantu orang serta tidak mempunyai musuh sama ada dalam perniagaan mahupun politik.

Seorang peniaga di premis bersebelahan yang enggan namanya disiarkan, berkata dia terdengar bunyi seperti mercun, namun pada mulanya tidak mengendahkan kerana menganggap ia perbuatan kanak-kanak.

"Namun, sejurus kemudi-



PILU...Kala memeluk anaknya selepas melihat Panthiyan (gambar kecil) ditembak dari jarak dekat.

an, saya terkejut apabila mendengar ahli keluarga mangsa menangis meminta pertolongan.

“Saya pergi melihat apa yang berlaku sebelum mendapati mangsa terjung di atas sofa dengan kepala berlumuran darah. Saya meminta bantuan rakan menghubungi polis,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Hilir Perak, Asisten Komisioner Goh Kok Liang ketika dihubungi mengesahkan insiden berkenaan dan berkata dalam kejadian kira-kira jam

3 petang itu, mangsa ditembak dari jarak dekat oleh seorang lelaki tidak dikenali di premisnya.

Katanya, penyerang dan seorang rakannya tiba di premis mangsa dengan menaiki motosikal Yamaha LC berwarna hitam dan oren menggunakan nombor pendaftaran dipercayai palsu.

Pembonceng motosikal itu memakai topi keledar penuh memasuki premis dan melepaskan dua das tembakan dengan satu daripadanya mengenai kepala mangsa.

“Sebaik melepaskan tembakan, kedua-dua suspek memecut laju ke arah Kampar. Mangsa mati di tempat kejadian akibat cedera parah di kepala.

“Kita melancarkan gerakan memburu suspek, namun setakat jam 8 malam tadi (semalam) tiada sebarang tangkapan dibuat.

“Kes ini disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. Mayat mangsa dihantar ke Hospital Raja Permaisuri Bainun di Ipoh untuk di bedah siasat,” katanya.